

Hari Bertemu Pelanggan Pusat Islam dapat Sambutan Menggalakkan

Terakhir dikemaskini: Isnin, 29 Januari 2018 09:20 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 294

[Syorkan 2](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


ISNIN, 29 JANUARI – *Roadshow dan Program Hari Bertemu Pelanggan Pusat Islam Universiti Malaysia Sabah (PIUMS) mendapat sambutan menggalakkan baru-baru ini.*

Bertempat di Bilik Kuliah, Pusat Persediaan Sains dan Teknologi (PPST), program itu menerima kehadiran 300 pengunjung yang terdiri daripada pelajar Asasi Sains serta kakitangan PPST.

Pengarah PIUMS, Prof. Madya Dr. Muhammad Suhaimi Taat berkata, antara aktiviti yang diadakan termasuklah bicara ilmu, penerangan perkhidmatan PIUMS, klinik Tahsin al-Fatihah, klinik zakat, jualan Yassin/wakaf dan kaunter khidmat pelanggan.

“Penganjuran program ini adalah untuk meningkatkan lagi kefahaman dan kesedaran tentang fungsi perkhidmatan PIUMS serta memberi penerangan terhadap sebarang soalan yang diajukan,” katanya yang turut menyampaikan ceramah bertajuk *Jihad in Education*.

Terdahulu, Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan PIUMS, Md. Razali Saibin telah membimbing peserta dalam Tahsin al-Fatihah, manakala satu taklimat mengenai perkhidmatan Pusat Islam telah disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Islam PIUMS, Mohammad Fazri Hamid.

Hadir sama pada program tersebut, Pengarah PPST, Prof. Madya Dr. Sazmal Effendi Arshad.